

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### **MAHKAMAH KEKALKAN KEPUTUSAN MyCC TERHADAP KARTEL GUDANG**

**KUALA LUMPUR, 12 SEPTEMBER –** Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 11 September 2024 telah menolak permohonan Semakan Kehakiman yang difaikkan terhadap keputusan Dapatan Pelanggaran yang dikeluarkan oleh MyCC pada 2021 terhadap lima pengusaha gudang yang terlibat dalam kartel penetapan harga berkaitan perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat kargo import dan eksport di Pelabuhan Klang.

Pada tahun 2017, MyCC telah menyiasat tujuh pengusaha gudang berikutnya penerimaan laporan terdapat kemungkinan aktiviti kartel penetapan harga yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan muatan panjang dan muatan berat kargo import dan eksport di Pelabuhan Klang. MyCC, setelah melengkapkan penyiasatannya, memutuskan bahawa tindakan pengusaha-pengusaha ini jelas melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 dan mengeluarkan keputusan Dapatan Pelanggaran terhadap tujuh pengusaha gudang yang terlibat dalam kartel penetapan harga bermula dari Mei 2017 hingga Disember 2019. Penalti kewangan berjumlah RM1.043 juta telah dikenakan. Namun, hanya dua pengusaha gudang yang menerima keputusan tersebut. Lima pengusaha telah membantah keputusan MyCC yang membawa kepada peringkat Semakan Kehakiman ini dan Mahkamah telah menolak bantahan mereka. Semakan Kehakiman ini merupakan percubaan kali kedua oleh lima pengusaha untuk membatalkan keputusan itu. Rayuan pertama dibuat kepada Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) pada 2021 di mana TRP memihak kepada MyCC dengan menolak rayuan mereka.

Pemohon-pemohon Semakan Kehakiman adalah seperti berikut;

- (i) SAL Agencies Sdn. Bhd;
- (ii) WCS Warehousing Sdn. Bhd;
- (iii) Regional Synergy (M) Sdn. Bhd;
- (iv) Intrexim Sdn. Bhd; dan
- (v) Pioneerpac Sdn. Bhd.



**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI**

Dalam penghakimannya, Mahkamah Tinggi mengekalkan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan, mengesahkan bahawa pengusaha-pengusaha gudang ini telah terlibat dalam penetapan harga yang tidak sah lantas menolak permohonan Semakan Kehakiman mereka. Hakim tersebut iaitu Yang Arif Puan Jamhirah binti Ali memutuskan bahawa kelima-lima anggota kartel ini tidak berhak mendapat sebarang bentuk pelepasan dan mengesahkan kesahihan tindakan yang diambil oleh MyCC pada tahun 2021. Penghakiman yang sama menekankan bahawa tiada bukti ketidaksahihan, tidak rasional atau pelanggaran prosedur yang mewajarkan pembatalan keputusan MyCC. Oleh itu, keputusan MyCC pada 2021 untuk mengenakan penalti kewangan terhadap kartel gudang dikekalkan.

“Keputusan ini dapat memberi semangat terhadap usaha-usaha penguatkuasaan oleh MyCC dan menghantar mesej jelas bahawa MyCC tidak berkompromi dengan sebarang bentuk kegiatan kartel. Ini juga mengukuhkan lagi komitmen MyCC untuk menghapuskan amalan kartel dan menjadi amaran kepada semua kartel di luar sana. Aktiviti kartel merupakan kejahatan tertinggi dalam undang-undang persaingan dan MyCC akan terus melawan serta bertindak tegas terhadap sebarang percubaan untuk menjelaskan persaingan pasaran yang sihat,” kata Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [pcd@mycc.gov.my](mailto:pcd@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-13 pada 1 April 2024 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 100 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM570 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutnya ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).